

**PENGARUH LATAR BELAKANG KANAK-KANAK
USIA 4-9 TAHUN TERHADAP LUKISAN FIGURA**



YEK RONG ING

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**AKADEMI SENI DAN TEKNOLOGI KREATIF
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

**PENGARUH LATAR BELAKANG KANAK-KANAK
USIA 4-9 TAHUN TERHADAP LUKISAN FIGURA**

YEK RONG ING



UMS

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**AKADEMI SENI DAN TEKNOLOGI KREATIF
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGARUH LATAR BELAKANG KANAK-KANAK USIA 4-9 TAHUN TERHADAP LUKISAN FIGURA**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SENI VISUAL**

Saya **YEK RONG ING**, Sesi **2019-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



YEK RONG ING
MA1821123T

Disahkan Oleh,

ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Zaimie Bin Sahibil)
Penyelia Utama

Tarikh : 28 April 2023


PENAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

22 Disember 2022



Yek Rong Ing
MA1821123T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **YEK RONG ING**
NO. MATRIK : **MA1821123T**
TAJUK : **PENGARUH LATAR BELAKANG KANAK-KANAK USIA 4-9
TAHUN TERHADAP LUKISAN FIGURA**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **SENI VISUAL**
TARIKH VIVA : **22 DISEMBER 2022**



1. PENYELIA UTAMA
Dr. Zaimie Bin Sahibi

DISAHKAN OLEH;

UTMS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Tandatangan

2. PENYELIA UTAMA
Dr. Humin Bin Jusilin

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan atas masa, tenaga dan nyawa yang dianugerahkan kepada saya kerana dapat menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan yang tulus ikhlas ini kepada penyelia saya, Dr. Zaimie Bin Sahibil dan Prof. Madya Dr. Humin Bin Jusilin kerana begitu perihatin dan tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada saya sepanjang proses saya menyiapkan kajian ini. Sememangnya suatu kebanggaan bagi saya kerana dapat menjadi anak seliaan beliau. Sepanjang tempoh kajian dilaksanakan, saya telah menerima nasihat, kritikan dan motivasi yang begitu memberangsangkan daripada beliau, dan didikan beliau yang tidak putus-putus itu telah banyak memberi ilmu baharu kepada saya sejurus membentuk nilai tabah dan cekal dalam diri saya untuk pergi lebih jauh dalam bidang Pendidikan Seni. Tanpa beliau, saya tidak mungkin dapat menghasilkan penyelidikan ini dengan jayanya.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada semua pensyarah Universiti Malaysia Sabah khasnya daripada Akademi Seni dan Teknologi Kreatif serta semua staf sokongan di bawahnya kerana sentiasa sabar dan mesra dalam memberi bantuan khas dan teknikal kepada saya sejak mula pengajian sehingga ke akhirnya. Pertolongan dan sokongan yang dihulurkan akan dikenang selamanya.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada seluruh warga Pejabat Pendidikan Daerah Miri, guru besar, guru-guru dan murid-murid yang terpilih untuk dijadikan responden dalam kajian ini dari sekolah tadika sehingga sekolah rendah atas kebenaran, peranan dan kerjasama yang diberikan dari mula sehingga ke titik penamatnya kajian ini.

Penghargaan tulus ikhlas juga ditujukan kepada ayah dan ibu tercinta saya, semua ahli keluarga serta rakan-rakan guru yang melalui pahit manis dalam bidang pendidikan. Semoga Tuhan memberkati kita semua dan mudahan disertasi ini akan memberi faedah kepada semua.

Yek Rong Ing

22 Disember 2022

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji lukisan figura kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 9 tahun berdasarkan teori Viktor Lowenfeld dan Britain (1982). Selain itu, kajian ini turut digunakan untuk mengenalpasti skor lukisan figura, menjelaskan kewujudan elemen ruang serta menganalisis ciri-ciri lukisan figura. Sebanyak 300 hasil lukisan figura kanak-kanak yang dipilih dari 4 buah sekolah di Bandaraya Miri, Sarawak telah digunakan sebagai sampel kajian bagi mewakili setiap peringkat perkembangan seni kanak-kanak. Pengkaji menganalisis lukisan figura kanak-kanak dengan merujuk kepada Teori Perkembangan Artistik Viktor Lowenfeld untuk menerangkan peringkat-peringkat perkembangan artistik kanak-kanak. Lukisan figura yang dihasilkan oleh kanak-kanak akan dinilai berdasarkan 'Rubrik Penilaian Lukisan Figura' untuk mengenal pasti tahap pencapaian skor lukisan figura mereka. Pemahaman ruang dinilai berdasarkan senarai semak pemerhatian ruang. Manakala ciri-ciri lukisan figura dinilai berdasarkan 16 item komponen figura yang merangkumi kepala, rambut, mata, telinga, kening, hidung, mulut, leher, bahu, lengan, (tangan, jari), badan, (paha, petis), (kaki, jari), pakaian, serta aksesori. Kajian mendapati bahawa kanak-kanak lelaki dan perempuan melukis dengan cara yang hampir sama di peringkat awal pertumbuhan. Hasil kajian secara keseluruhan menunjukkan responden perempuan lebih cemerlang dalam penghasilan lukisan figura dari segi skor, pewujudan ruang serta penambahan komponen tubuh badan berbanding responden lelaki. Lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak dapat memberi lebih banyak maklumat tentang perkembangan artistik mereka terutamanya dari segi skor lukisan figura, penghasilan komponen-komponen imej figura serta pewujudan elemen ruang dalam hasil lukisan. Kajian ini akan menjadi tahap pengukur bagi perkembangan kanak-kanak ke arah melahirkan karya yang bermutu semasa di bangku sekolah. Data-data yang diperolehi akan dapat membantu para pendidik seni dalam menyediakan kurikulum Pendidikan Seni yang lebih berkesan. Kajian ini juga boleh menjadi panduan kepada guru-guru seni untuk merancang kurikulum Pendidikan Seni Visual. Kajian ini turut memberi implikasi kepada guru-guru prasekolah, guru seni, ibu bapa dan penjaga bahawa peringkat perkembangan artistik kanak-kanak dapat dinilai dengan menggunakan kaedah melukis imej figura. Di Malaysia, kanak-kanak peringkat sekolah masih kekurangan panduan untuk melukis lukisan figura. Kebolehan melukis kanak-kanak merupakan satu bentuk perkembangan artistik yang penting dalam perkembangan seni. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji lukisan figura yang dihasilkan berdasarkan perbezaan umur, jantina serta pewujudan ruang dalam lukisan figura.

ABSTRACT

THE INFLUENCE OF CHILDREN BACKGROUND AGED 4-9 YEARS ON FIGURA PAINTING

This study aims to examine figure drawing of children between the ages of 4 and 9 based on the theory of Victor Lowenfeld and Britain (1982). In addition, this study is also used to identify figure drawing scores, explain the existence of spatial elements and analyze the characteristics of figure drawing. A total of 300 children's figure drawings were selected from 4 schools in Miri town, Sarawak and were used as study samples to represent each stage of children's artistic development. The researcher analyzed children's figure drawings with reference to Victor Lowenfeld's theory of artistic development to explain the stages of children's artistic development. Figure drawings produced by children will be evaluated based on the 'Figure Drawing Evaluation Rubric' to identify the level of achievement of their figure drawing scores. Spatial understanding is assessed based on a spatial observation checklist. While the characteristics of figure drawing are evaluated based on 16 figure component items which include head, hair, eyes, ears, eyebrows, nose, mouth, neck, shoulders, arms, hands, fingers, body, thighs, legs, feet, toes, clothing, as well as accessories. Studies have found that boys and girls draw in almost the same way in the early stages of growth. The result of the overall studies shows that female respondents are more excellent in the production of figure drawings in terms of score, understanding of spatial and the addition of body components compared to male respondents. The drawings produced by children can provide more information about their artistic development, especially in terms of figure drawing scores, the production of figure image components as well as the creation of spatial elements in the drawing results. This study will be a measuring level for children's development towards producing quality works while in school. The data obtained will be able to help art educators in preparing a more effective Art Education curriculum. This study can also be a guide for art teachers to plan Visual Art Education curriculum. It implies to the preschool teachers, art teachers, parents and guardians that the level of artistic development of children can be assessed by using the method of drawing figure images. In Malaysia, school-aged children still lack guidance in drawing figure drawings. Children's drawing ability is a form of artistic development that is important in the development of art. Therefore, the researcher wants to study figure drawings produced based on differences in age, gender and the understanding of spatial art in figure drawings.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI GRAF	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Skop dan Limitasi	13
1.7 Hipotesis Alternatif	14
1.8 Kepentingan Kajian	14
1.9 Definisi Istilah Kajian	19
1.10 Kerangka Teoritikal	20
1.11 Pengumpulan data dan Kaedah Analisis	21
1.12 Carta Alir Konsep Kajian	22

1.13	Penutup	22
------	---------	----

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Definisi Konsep	25
2.2.1	Kanak-kanak dan Lukisan	25
2.2.2	Kanak-kanak Usia 4-9 Tahun	26
2.3	Ruang	27
2.4	Perkembangan Lukisan Kanak-kanak	33
2.5	Sejarah Perkembangan Lukisan Kanak-kanak	34
2.6	Kajian Luar Negara	36
2.7	Kajian Lepas di Malaysia	42
2.8	Tujuan Kanak-kanak Melukis	45
2.9	Teori Lowenfeld dan Brittain (1982)	47
2.9.1	Rumusan Keseluruhan Teori	50
2.10	Faktor-faktor Penghasilan Lukisan	51
2.10.1	Faktor Dalaman	52
2.10.2	Faktor Luaran	55
2.11	Kesimpulan	59

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Pengenalan	60
3.2	Carta Alir Kajian	60
3.3	Reka Bentuk Kajian	61
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	63
3.4.1	Populasi Kajian	63
3.4.2	Lokasi dan Sampel Kajian	64
3.4.3	Responden Kajian	65
3.5	Data Responden Berdasarkan Umur dan Jantina Setiap Sekolah	66

3.6	Data Responden Mengikut Umur dan Jantina Secara Keseluruhan	70
3.6.1	Peratus Responden Secara Keseluruhan	72
3.7	Limitasi Kajian	73
3.8	Instrumen dan Alat Kajian	75
3.8.1	Ujian Diagnostik	75
3.8.2	Pemerhatian	81
3.8.3	Analisis Dokumen	82
3.9	Lukisan Kanak-kanak Mengikut Skor	83
3.9.1	Lukisan Skor 4	83
3.9.2	Lukisan Skor 3	84
3.9.3	Lukisan Skor 2	85
3.9.4	Luksian Skor 1	86
3.10	Prosedur Pelaksanaan	87
3.11	Prosedur Pengumpulan Data	88
3.12	Penganalisaan Data	90
3.13	Penutup	92
BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	94
4.2	Data Skor Mengikut Tahap Umur Setiap Sekolah	95
4.2.1	Dapatan Objektif Kajian 1	95
4.2.2	Peratus Skor Keseluruhan Responden Mengikut Umur	108
4.2.3	Peratus Keseluruhan Skor Responden Mengikut Sekolah	109
4.3	Elemen Ruang Dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Mengikut Jantina	110
4.3.1	Dapatan Objektif Kajian 2	111
4.3.2	Analisis Elemen Ruang Secara Keseluruhan	136
4.4	Ciri-ciri Lukisan Figura	138
4.4.1	Dapatan Objektif Kajian 3	138

4.4.2	Analisis Ciri-ciri Lukisan Figura Usia 4 Tahun	140
4.4.3	Analisis Ciri-ciri Lukisan Figura Usia 5 Tahun	144
4.4.4	Analisis Ciri-ciri Lukisan Figura Usia 6 Tahun	148
4.4.5	Analisis Ciri-ciri Lukisan Figura Usia 7 Tahun	152
4.4.6	Analisis Ciri-ciri Lukisan Figura Usia 8 Tahun	156
4.4.7	Analisis Ciri-ciri Lukisan Figura Usia 9 Tahun	160
4.4.8	Kesimpulan Ciri-ciri Lukisan Figura	163
4.4.9	Perbezaan Kekekrapan Ciri-ciri Lukisan Figura Mengikut Jantina Keseluruhan	165
4.5	Penutup	166

BAB 5: KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	168
5.2	Ringkasan Kajian	168
5.2.1	Mengenalpasti Skor Lukisan Figura Kanak-kanak Pada Usia 4 Tahun Di Sekolah Bandaraya Miri, Sarawak.	169
5.2.2	Menjelaskan Kemahiran Elemen Ruang Dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Mengikut Jantina Pada Tahap Umur 4 Hingga 9 Tahun	174
5.2.3	Menganalisis Ciri-ciri Lukisan Figura Kanak-kanak Mengikut Tahap Umur (4-7 Peringkat Pra-Skematik dan 7-9 Skematik)	181
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	187
5.4	Implikasi Kajian	189
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	193
5.6	Penutup	195

RUJUKAN	196
----------------	-----

LAMPIRAN	205
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Jumlah Murid Setiap Sekolah Mengikut Jantina	65
Jadual 3.2 : Jumlah Responden Mengikut Jantina	65
Jadual 3.3 : Kategori Umur dan Jantina Sekolah Kebangsaan Chung Hua Krokop	66
Jadual 3.4 : Kategori Umur dan Jantina Sekolah Kebangsaan Tudan Jaya	67
Jadual 3.5 : Kategori Umur dan Jantina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hua Pujut	68
Jadual 3.6 : Kategori Umur dan Jantina Sekolah Kebangsaan Lutong	69
Jadual 3.7 : Jumlah dan Peratus Responden Mengikut Umur dan Jantina Secara Keseluruhan	70
Jadual 3.8 : Rubrik Penilaian Lukisan Figura Kanak-kanak	76
Jadual 3.9 : Indikator Teori Lowenfeld dan Brittian (1982)	80
Jadual 3.10 : Senarai Semak Pemerhatian Ruang	82
Jadual 3.11 : Ringkasan Langkah Pelaksanaan	87
Jadual 3.12 : Langkah-langkah Pelaksanaan Proses Koleksi Data	88
Jadual 4.1 : Jadual Skor Responden Mengikut Tahap Umur SJK(C) Chung Hua Krokop	95
Jadual 4.2 : Peratus Skor Mengikut Jantina SJK(C) Chung Hua Krokop	97
Jadual 4.3 : Jadual Skor Responden Mengikut Tahap Umur Sekolah Kebangsaan Tudan Jaya	99
Jadual 4.4 : Peratus Skor Mengikut Jantina Sekolah Kebangsaan Tudan Jaya	100
Jadual 4.5 : Jadual Skor Responden Mengikut Tahap Umur SJK (C) Chung Hua Pujut	102
Jadual 4.6 : Peratus Skor Mengikut Jantina SJK(C) Chung Hua Pujut	103

Jadual 4.7	: Jadual Skor Responden Mengikut Tahap Umur Sekolah Kebangsaan Lutong	105
Jadual 4.8	: Peratus Skor Lukisan Figura Sekolah Kebangsaan Lutong	106
Jadual 4.9	: Peratus Skor Lukisan Figura Mengikut Umur Secara Keseluruhan	108
Jadual 4.10	: Peratus Skor Lukisan Figura Mengikut Sekolah Secara Keseluruhan	109
Jadual 4.11	: Kekерapan dan Peratus Elemen Ruang dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 4 Tahun	112
Jadual 4.12	: Kekерapan dan Peratus Elemen Ruang dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 5 Tahun	115
Jadual 4.13	: Kekерapan dan Peratus Elemen Ruang dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 6 Tahun	120
Jadual 4.14	: Kekерapan dan Peratus Elemen Ruang dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 7 Tahun	123
Jadual 4.15	: Kekерapan dan Peratus Elemen Ruang dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 8 Tahun	127
Jadual 4.16	: Kekерapan dan Peratus Elemen Ruang dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 9 Tahun	132
Jadual 4.17	: Peratus Elemen Ruang Mengikut Jantina Secara Keseluruhan	135
Jadual 4.18	: Kekерapan Item Lukisan Figura Usia 4 Tahun	139
Jadual 4.19	: Kekерapan Item Lukisan Figura Usia 5 Tahun	143
Jadual 4.20	: Kekерapan Item Lukisan Figura Usia 6 Tahun	147
Jadual 4.21	: Kekерapan Item Lukisan Figura Usia 7 Tahun	151
Jadual 4.22	: Kekерapan Item Lukisan Figura Usia 8 Tahun	155
Jadual 4.23	: Kekерapan Item Lukisan Figura Usia 9 Tahun	159
Jadual 4.24	: Kekерapan Item Lukisan Figura Secara Keseluruhan	162
Jadual 4.25	: Perbezaan Kekерapan Item lukisan figura Mengikut Jantina Secara Keseluruhan	165
Jadual 5.1	: Peratus Elemen Ruang Mengikut Jantina Secara Keseluruhan	174


SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Contoh Lukisan Cephalopod	4
Rajah 1.2 : Kerangka Teoritikal Viktor Lowenfeld dan Brittian (1982)	21
Rajah 1.3 Carta Alir Penyelidikan	22
Rajah 3.1 : Carta Alir Kajian	60
Rajah 3.2 : The exploratory sequential design	61
Rajah 3.3 : Carta Alir Reka Bentuk Kajian	62
Rajah 3.4 : Contoh Penentuan Skor Mengikut Kriteria Lukisan Figura	78
Rajah 3.5 : Lukisan 1 (Skor 4)	83
Rajah 3.6 : Lukisan 2 (Skor 3)	84
Rajah 3.7 : Lukisan 3 (Skor 2)	85
Rajah 3.8 : Lukisan 4 (Skor 1)	86
Rajah 3.9 : Triangulasi Data Kualitatif dan Kuantitatif	92
Rajah 4.1 : Carta Pai Skor Keseluruhan Lukisan Figura SJK (C) Chung Hua Krokop	98
Rajah 4.2 : Carta Pai Skor Keseluruhan Lukisan Figura Sekolah Kebangsaan Tudan Jaya	101
Rajah 4.3 : Carta Pai Skor Keseluruhan Lukisan Figura SJK (C) Chung Hua	104
Rajah 4.4 : Carta Pai Skor Keseluruhan Lukisan Figura Sekolah Kebangsaan Lutong	107
Rajah 4.5 : Analisis Elemen Ruang Dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 4 Tahun Mengikut Kategori (L=Lelaki P=Perempuan)	113

Rajah 4.6	: Analisis Elemen Ruang Dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 5 Tahun Mengikut Kategori	117
Rajah 4.7	: Analisis Elemen Ruang Dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 6 Tahun Mengikut Kategori (L=Lelaki P=Perempuan)	121
Rajah 4.7	: Analisis Elemen Ruang Dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 6 Tahun Mengikut Kategori (L=Lelaki P=Perempuan)	121
Rajah 4.8	: Analisis Elemen Ruang Dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 6 Tahun Mengikut Kategori (L=Lelaki P=Perempuan)	125
Rajah 4.9	: Analisis Elemen Ruang Dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 8 Tahun Mengikut Kategori (L=Lelaki P=Perempuan)	129
Rajah 4.10	: Analisis Elemen Ruang Dalam Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 9 Tahun Mengikut Kategori (L=Lelaki P=Perempuan)	133
Rajah 4.11	: Contoh Hasil Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 4 Tahun	141
Rajah 4.12	: Contoh Hasil Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 5 Tahun	145
Rajah 4.13	: Contoh Hasil Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 6 Tahun	149
Rajah 4.14	: Contoh Hasil Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 7 tahun	154
Rajah 4.15	: Contoh Hasil Lukisan Figura kanak-kanak Usia 8 tahun	157
Rajah 4.16	: Contoh Hasil Lukisan Figura Kanak-kanak Usia 9 tahun	161

SENARAI GRAF

	Halaman
Graf 3. 1 : Jumlah Responden Mengikut Jantina Secara Keseluruhan	71
Graf 3. 2 : Peratus (%) Responden Secara Keseluruhan	72
Graf 5. 1 : Skor dan Peratus (%) Responden Usia 4 Hingga 9 Tahun	169
Graf 5. 2 : Bilangan Responden dan Peratus Skor Lukisan Figura Mengikut Sekolah	172
Graf 5. 3 : Kekkerapan Item Lukisan Figura Usia 4 Hingga 9 Tahun	181
Graf 5. 4 : Jumlah Item Lukisan Figura	184
Graf 5. 5 : Perbandingan Kekkerapan Item lukisan figura Mengikut Jantina	185



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah
DSKP	-	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
RPT	-	Rancangan Pembelajaran Tahunan
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PBD	-	Pentaksiran Bilik Darjah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBD	-	Pentaksiran Bilik Darjah
DAM	-	<i>Draw-A-Man</i>
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah Miri
UMS	-	University Malaysia Sabah
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.	209
Lampiran B : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Oleh JPN	210
Lampiran C : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Oleh PPD	212
Lampiran D : Lukisan Kanak-kanak Usia 4 Tahun	213
Lampiran E : Lukisan Kanak-kanak Usia 5 Tahun	214
Lampiran F : Lukisan Kanak-kanak Usia 6 Tahun	215
Lampiran G : Lukisan Kanak-kanak Usia 7 Tahun	216
Lampiran H : Lukisan Kanak-kanak Usia 8 Tahun	217
Lampiran I : Lukisan Kanak-kanak Usia 9 Tahun	218
Lampiran J : Borang Kesahan Pakar ' <i>Validation Sheet</i> '	219



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Lukisan figura manusia yang dihasilkan oleh kanak-kanak merupakan salah satu cara untuk memahami dunia sebenar dan personaliti mereka. Lukisan figura yang dihasilkan oleh kanak-kanak lingkungan usia 4-9 tahun dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan memahami lebih jelas berkenaan komponen-komponen bentuk anggota badan yang lebih lengkap. Namun Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang terlalu menekankan empat bidang kegiatan seni iaitu Bidang Menggambar, Bidang Membuat Corak dan Rekaan dan akhirnya sekali Bidang Mengenal Kraf tradisional. Penetapan ini menyebabkan guru sekolah merancang pembelajaran mengikut DSKP dan berpandukan tema serta buku teks yang disediakan. Hal ini menyebabkan kanak-kanak kurang berpeluang untuk mencurahkan idea serta kreativiti dalam penghasilan lukisan.

“Lukisan merujuk kepada sesuatu yang dilukis atau hasil daripada perbuatan melukis” dipetik dari Kamus Pelajar (2015). Lukisan merupakan satu medium untuk menyatakan luahan perasaan, intelektual dan spiritual manusia. Selain itu, lukisan figura yang dihasilkan oleh kanak-kanak merupakan salah satu cara untuk memahami dunia sebenar dan personaliti mereka. Oleh itu, lukisan memang tidak dapat dipisahkan daripada manusia khususnya kanak-kanak. Menurut Ali & Madon (2014), setiap kanak-kanak mempunyai kreativiti yang tersendiri dan patut diberi peluang untuk meluahkan pengutaraan tampak atau ekspresi diri melalui penghasilan lukisan. Lukisan figura yang dihasilkan oleh kanak-kanak lingkungan usia 4-9 tahun dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan memahami lebih jelas berkenaan komponen-komponen bentuk anggota badan yang lebih lengkap. Hasil karya lukisan kanak-

kanak berbeza mengikut tahap perkembangan mereka seperti yang dinyatakan oleh tokoh-tokoh seni yang terkenal iaitu Viktor Lowenfeld, Herbert Read dan Luara Chapman. Memandangkan kebaikan yang ada pada aktiviti melukis lukisan figura, maka kajian ini dijalankan untuk menganalisis lukisan figura kanak-kanak dengan merujuk kepada Teori Perkembangan Artistik Viktor Lowenfeld untuk menerangkan peringkat-peringkat perkembangan artistik kanak-kanak. Lukisan figura yang dihasilkan oleh kanak-kanak akan dinilai berdasarkan 'Rubrik Penilaian Lukisan Figura' untuk mengenal pasti tahap pencapaian skor lukisan figura mereka. Pemahaman ruang dinilai berdasarkan senarai semak pemerhatian ruang. Manakala ciri-ciri lukisan figura dinilai berdasarkan 16 item komponen figura yang merangkumi kepala, rambut, mata, telinga, kening, hidung, mulut, leher, bahu, lengan, (tangan, jari), badan, (paha, petis), (kaki, jari), pakaian, serta aksesori.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Barnes (1895) kajian mengenai perkembangan artistik kanak-kanak sering kali dijalankan untuk melihat pertumbuhan dan perkembangan pemikiran kanak-kanak sejak kurun ke-19 lagi. Barnes menyatakan kajian perkembangan artistik kanak-kanak yang paling awal ditemui adalah pada tahun 1887 iaitu Corrado Ricci yang berbangsa Itali telah menulis di dalam buku yang berjudul '*The Art of Little Children*' menerangkan mengkaji beberapa kajian lukisan kanak-kanak. Seterusnya dalam buku yang bertajuk '*Children's Drawings of the Human Figure*' yang ditulis oleh menyatakan pada tahun 1986, Cox & Parkin telah mengumpul 454 lukisan figura dari kanak-kanak yang berumur antara 2 tahun dan 7 tahun 6 bulan, mendapati 404 lukisan yang dapat dikenali mempunyai bentuk figura bagi, walaupun ada yang berbentuk '*tadpole*' berudu dan '*transitional figures*'.

Lukisan figura kanak-kanak buat pertama kalinya dikaji oleh Florence Laura yang dikemukakan oleh Scott (1981). Beliau merupakan ahli psikologi dan guru besar di Universiti Minnesota Amerika. Kajiannya mengesahkan bahawa terdapat banyak dan pelbagai perubahan yang boleh diperhatikan dalam lukisan kanak-kanak dari segi umur serta dapat menghubungkan secara langsung dengan perbezaan jantina

serta status sosioekonomi keluarga berbanding dengan bakat dan kemahiran seni kanak-kanak (bagi kanak-kanak di bawah umur 10 dan 12 tahun). Tambahan pula, dalam kajian Harris (1963) lanjutan dari kajian '*Goodenough draw-a-man test*' menunjukkan bahawa peringkat perkembangan lukisan figura kanak-kanak mempunyai kaitan dengan perkembangan intelek. Kanak-kanak yang lebih berusia dapat menghasilkan lukisan figura yang lebih realistik iaitu merangkumi komponen-komponen bentuk anggota badan yang lebih lengkap.

Sebelum kanak-kanak mengetahui cara menulis dan membaca, mereka akan melukis terlebih dahulu. Tidak dapat dinafikan lukisan figura sering dilukis oleh kanak-kanak pada usia awal iaitu empat hingga sembilan tahun. Mereka membesar bersama-sama dengan imej lukisan yang dilahirkan. Mengikut kajian Cox (2005); Harris (1963), kebiasaannya kanak-kanak sangat gembira untuk melukis dan lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak sangat menarik dan sering mengagumkan orang dewasa. Coretan lukisan kanak-kanak yang sukar difahami itu sering kali dilabelkan sebagai watak ibu bapa bagi kanak-kanak usia muda iaitu lingkungan empat hingga sembilan tahun. Kemudian, bentuk asas tersebut akan berubah menjadi bunga matahari, bunga yang berbetuk imej kartun iaitu mempunyai mata dan hidung serta mulut. Ketika figura manusia pertama muncul, lukisan figura biasanya mempunyai kepala yang sangat besar dengan lengan dan kaki yang menonjol dari sebelah sisi dan lukisan mereka tidak ada bentuk badan.

Proses melukis lukisan figura oleh kanak-kanak dapat dikesan bermula pada usia empat tahun. Menurut (Mannathoko & Mamvuto, 2019) kanak-kanak berumur empat tahun melukis bahagian badan seperti mata dengan bentuk bulat dan kepala yang dilukis dengan saiznya yang agak besar. Kebiasaannya guru pendidikan awal kanak-kanak akan meminta murid mereka untuk melukis potret sendiri. Guru perlu memberi arahan kepada kanak-kanak, biasanya kanak-kanak diminta melukis diri menggunakan pensel dan kertas. Secara amnya, lukisan potret ini kemudian difailkan dalam portfolio atau fail peribadi dan akan digunakan sebagai rujukan. Lukisan potret kanak-kanak dapat dijadikan rekomendasi dan penilaian mengenai pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak pada awal usia muda. Lukisan yang dihasilkan pada awal usia kanak-kanak selalunya kurang terperinci dan akan dikembang pada masa akan

datang. Hal ini demikian kerana, lukisan yang dihasilkan pada awal tahun peringkat permulaan kebiasanya kurang terperinci daripada lukisan yang dihasilkan menjelang akhir tahun. Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan lukisan awal kanak-kanak merangkumi bulatan yang mewakili kepala, lengan dan kaki lukis dimunculkan dari sisi. Rajah 1.1 merupakan lukisan portrait sendiri yang dilukis oleh kanak-kanak berusia 5 tahun, bahagian lengan dan kaki digabungkan terus ke bahagian kepala. Gambaran atau bentuk ini dikenali sebagai 'tadpole' atau 'cephalopod', lukisan-lukisan ini juga dikenali sebagai coretan awal kanak-kanak, atau dikatakan sebagai '*so unreal and yet so unmistakably human-an uncanny reduction to essentials*' (Di Leo, 1973). Namun begitu, secara beransur-ansur, lakaran awal ini menjadi lebih terperinci apabila tangan, jari, kaki, jari kaki, bentuk badan, telinga, leher dan sebagainya disertakan.



Rajah 1.1 : Contoh Lukisan *Cephalopod*

Sumber : www.roshida.com

Seterusnya kajian sebelum ini lebih memfokus kepada lukisan kanak-kanak di Barat. Oleh yang demikian pengkaji merasakan perlu ada satu kajian khusus untuk melihat sesuatu yang tersurat dan tersirat di sebalik perkembangan lukisan figura oleh kanak-kanak di Malaysia khususnya di bandar Miri, Sarawak. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif ini cuba mengukur persepsi kanak-kanak melalui penilaian terhadap lukisan figura yang dihasilkan oleh kanak-kanak yang tinggal di sekitar bandar Miri. Selain ciri-ciri figura dalam lukisan yang dihasilkan, lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak juga dapat memberikan satu penjelasan terperinci tentang dunia pemikiran kanak-kanak dan personaliti melalui lukisan yang dihasilkan.

Melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, mata pelajaran PSV terlalu fokus dengan empat bidang kegiatan seni iaitu Bidang Menggambar, Bidang Membuat Corak dan Rekaan dan akhirnya sekali Bidang Mengenal Kraf tradisional. Penetapan ini menyebabkan kanak-kanak kurang berpeluang untuk mencurahkan idea serta kreativiti dalam penghasilan lukisan. Oleh yang demikian, kegiatan seni di Sarawak khususnya di Miri perlu difungsikan. Daya cipta yang diwujudkan melalui hasil karya murid dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dapat mengembangkan minda kreativiti, keterampilan, pengetahuan estetika dan artistik kanak-kanak. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Seni Visual memainkan peranan yang penting dalam menentukan keberhasilan dan kemenjadian murid. Kenyataan ini disokong oleh Hastad & Lacy (1994) yang menyatakan bahawa peranan utama guru pendidikan seni adalah mempertingkatkan dan memperkembangkan prestasi murid-murid dalam domain kognitif, afektif dan psikomotor. Sekiranya ketiga domain tersebut ditaman dalam setiap kanak-kanak, domain-domain itu dapat berfungsi dan berada dalam keadaan yang baik dan produktif.

Seni lukis sebagai salah satu cabang seni rupa tidak dapat dikecualikan dari dunia kanak-kanak. Lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak usia empat hingga sembilan tahun mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Perbezaan ini dipengaruhi dengan wujudnya elemen seni seperti garisan, bentuk, warna, ruang, tema serta gaya yang ada pada hasil lukisan masing-masing. Hasil lukisan kanak-kanak dikatakan memiliki sifat individual dan tersendiri. Lukisan merupakan luahan ekspresi dan perasaan subjektif seseorang sehingga memiliki tujuan dan makna yang sangat peribadi. Lowenfeld dan Brittan (1982a) berpendapat bahawa seseorang kanak-kanak menzahirkan pemikiran, perasaan dan kecenderungannya di dalam lukisannya dan menunjukkan pengetahuan tentang alam sekitarnya melalui ekspresi kreatif mereka. Howard Gardner (1981:5) pula menyatakan bahawa lukisan kanak-kanak sekolah adakalanya merupakan hasil ciptaan yang paling menarik, menyegarkan, ekspresif dan mempamerkan penguasaan yang tinggi terhadap pengamatan kepada bentuk dan keindahan yang terdapat di sekeliling mereka. Day & Hurwitz (2012) telah merumuskan peringkat perkembangan artistik kanak-kanak kepada tiga bahagian utama. Peringkat-peringkat ini dikenali sebagai peringkat manipulatif, peringkat